

LANGKAH LINDUNGI DAN KUKUHKAN EKONOMI NEGARA

LANGKAH LINDUNGI DAN KUKUHKAN EKONOMI NEGARA

PANEL PERBINCANGAN PERKEMBANGAN EKONOMI SEMASA DAN KEDUDUKAN KEWANGAN NEGARA

Harga minyak, nilai ringgit menuntut penyesuaian fiskal

Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah - Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Langkah berjaga-jaga dilakukan untuk kekalkan pertumbuhan ekonomi mapan

Oleh Magendran Rajagopal, Irwan Shafrizam Ismail dan Mahanum Abd Aziz
bhnews@bh.com.my

Penurunan harga minyak mentah dunia selain kemerosotan nilai ringgit, menuntut beberapa langkah berjaga-jaga bagi mengekalkan pertumbuhan ekonomi mapan. Kerajaan perlu mengesahkan dan menjelaskan beberapa penyesuaian fiskal yang terpaksa dilakukan, selaras dengan unjuran harga minyak mentah dunia.

Kerajaan bukan dalam krisis seperti berlaku pada tahun 1997 atau 1998, malah ini tidak menyamai krisis tahun 2009 apabila kerajaan terpaksa menyuntik pakej rangsangan. Jika kita lihat sebahagian angka yang disemak semula, semuanya berdasarkan pertumbuhan ekonomi dunia oleh Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) yang dikurangkan kepada 3.8 peratus berbanding 3.9 peratus diunjur sebelum ini.

Jika kita lihat pada inflasi, berikutan penurunan harga minyak mentah, sasaran dalam bajet asal antara empat hingga lima peratus, kini lebih rendah iaitu antara 2.5 hingga 3.5 peratus. Malah kadar pertukaran mata wang juga jatuh daripada RM3.2 kepada RM3.55 (berbanding dolar Amerika Syarikat).

Ketika waktu puncak pada Jun tahun lalu harganya AS\$115 (RM414) satu tong manakala ketika kita sedang menyediakan Bajet 2015 pada Oktober tahun lalu, harganya sekitar AS\$100 (RM360) satu tong dan kini jatuh lagi se-

hingga bawah AS\$50 (RM180).

Justeru, kita membuat andaian bahawa harga sekitar AS\$55 satu tong adalah munasabah, berdasarkan jangkaan Perdana Menteri bahawa harga minyak mentah mungkin antara AS\$40 (RM144) hingga AS\$70 (RM252) satu tong. Malah beberapa penganalisis turut mengunjurkan harga minyak mentah akan berada sekitar AS\$55 (RM198) satu tong sepanjang tahun ini.

Pertumbuhan lima peratus

Melihat kepada unjuran, yang turut dikemukakan agensi penarafan dan penganalisis, kita menyemak semula unjuran kita daripada 4.5 kepada 5.5, yakni kita sedang berusaha ke arah lima peratus pertumbuhan tahun ini. Dalam bajet 2015, kita mengemukakan pertumbuhan antara lima hingga enam peratus tetapi kita semak semula kepada antara 4.5 hingga 5.5 peratus, masih satu pertumbuhan yang berwibawa.

Kerajaan turut mengurangkan perbelanjaan mengurus sebanyak RM5.5 bilion. Jika kita lihat lebih dalam akaun semasa, kerajaan berada dalam kedudukan positif. Menerusi semua pendekatan, dengan mengambil kira harga minyak

“Jika kita lihat pada inflasi, berikutan penurunan harga minyak mentah, sasaran dalam bajet asal antara empat hingga lima peratus, kini lebih rendah iaitu antara 2.5 hingga 3.5 peratus. Malah kadar pertukaran mata wang juga jatuh daripada RM3.2 kepada RM3.55 (berbanding dolar Amerika Syarikat)”

mentah pada kadar AS\$55 (RM198) satu tong sebagai asas, kita jangka peningkatan dua hingga tiga peratus dan yakin ia akan kekal positif walaupun harga minyak mentah turun sehingga AS\$40 (RM144) satu tong.

Dari segi kedudukan kewangan kerajaan, ada penurunan daripada RM235 bilion kepada RM222 bilion dan jika kita lihat defisit fiskal, ia disemak semula kepada 3.2 peratus supaya lebih munasabah dan mampu dicapai.

Apabila kita membuat unjuran berdasarkan harga minyak mentah AS\$100 (RM360) satu tong, kita masih positif RM3.7 bilion, kita mungkin mencapai lebih rendah daripada tiga peratus tahun ini tetapi kerana harga minyak, kita terpaksa menanggung kekurangan RM13.8 bilion dari segi pendapatan.

Dari segi penambahan perolehan RM1.4 bilion, sebahagian besarnya daripada Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) kerana bila kita membuat anggaran awal, ia hanya membabitkan 120,000 syarikat tetapi sekarang sudah bertambah sehingga lebih 304,000 syarikat, sekali gus mampu menjana lebih banyak pendapatan.

Pelaksanaan GST tepat

Berdasarkan keadaan semasa, pelaksanaan GST memang tepat pada masanya dan kita juga mendapat dividen daripada syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) berjumlah RM400 juta bagi tahun ini.

Bila kita lihat pada pengurangan RM5.5 bilion dalam perbelanjaan mengurus, ia adalah penjimatan sektor perubatan kitaran mahupun sedikit pengubahsuaian dalam ekonomi dunia, ia memerlukan pelbagai pendekatan bagi menanginya.

Sebagai sebuah ekonomi terbuka, kita tertakluk kepada pelbagai kejutan luaran dan ini bukan perkara baharu bagi Malaysia. Kita pernah berdepan situasi sama 10 tahun lalu dan secara dasarnya ekonomi terbuka seperti Malaysia, pastinya berdepan dengan kejutan yang di luar kawalan kita.



Zeti, Mohd Irwan Serigar (kiri) dan Noor Azlan (kanan) pada majlis penjelasan mengenai 'Perkembangan Ekonomi Semasa dan Kedudukan Kewangan Negara' di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).
(FOTO ASYRAF HASZAH/SH)

Keadaan ekonomi dunia pengaruhi negara

Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz - Gabenor Bank Negara

Perkembangan tidak menentu ekonomi global tentunya memberi kesan kepada sistem kewangan dan ekonomi negara. Kita menerima kesan luaran ini lebih awal, salah satu daripadanya seperti pelaksanaan dasar monetari di negara maju yang memberi kesan yang

pelbagai kepada kita.

Apabila pelaksanaan pelonggaran kuantitatif khususnya di Amerika Syarikat (AS), ia menyebabkan peningkatan mendadak aliran modal ke dalam sistem kewangan negara.

Dan tentunya, apabila langkah itu dihentikan secara berperingkat, kita alami pengaliran keluar modal dan cadangan normalisasi

Strategi ampuh kerajaan

Prof Datuk Dr Noor Azlan Ghazali - Naib Canselor UKM

Apa yang paling penting ialah apabila berdepan krisis atau sebarang perubahan kitaran mahupun sedikit pengubahsuaian dalam ekonomi dunia, ia memerlukan pelbagai pendekatan bagi menanginya.

Sebelum ini, pada awal tahun 2009, kita sudah berdepan situasi sama, harga minyak mentah turun sehingga 30 dolar Amerika Syarikat setong dan nilai ringgit mencecah RM3.6 sehingga pakej rangsangan dilaksanakan, jadi ia satu fenomena yang kini kita hadapi dan ia memerlukan kita mengambil beberapa pendekatan jangka pendek seperti me-

Keadaan ekonomi dunia pengaruhi negara

peningkatan pengaliran keluar modal.

Dalam pada itu, baru-baru ini harga komoditi khususnya minyak mentah yang sebelum ini meningkat tinggi, tiba-tiba susut secara mendadak berikutan lebihan bekalan dan permintaan yang perlahan.

Sekarang, bagaimana kita bertindak balas adalah sama seperti sebelum ini. Dalam kes kita ber-

depan peningkatan pengaliran masuk modal, tentunya kita laksanakan kaedah makro berhemah untuk mengurangkan ketidakseimbangan kewangan, paras hutang yang tinggi dan peningkatan kredit yang pantas. Susulan langkah itu, kita sudah melihat hasilnya seperti hutang isi rumah sudah menyederhana daripada paras kemuncak sebanyak 15 peratus pada 2010 ke-

hadapi ketidaktentuan ekonomi dunia

ngurangan Perbelanjaan Mengurus dan mengemukakan Perbelanjaan Pembangunan seperti yang sudah dirancang.

Langkah berkesan

Secara pembadi, saya berpendapat ia adalah reaksi yang bagus dan langkah tepat dalam melakukan tindak balas kerana kita jangka perkara ini sebagai satu fenomena jangka pendek berbanding penyaluran struktur jangka panjang bagi ekonomi dunia.

Mengenai defisit fiskal, unjuran awal bagi tahun ini pada tiga peratus dan ia satu peningkatan berbanding kadar 3.5 peratus tahun lalu. Unjuran ini bukan satu trend mengundur tapi masih bo-

leh dianggap satu peningkatan, mengambil kira sejumlah pendapatan terjejas dan pendekatan yang diambil dalam mengurangkan Perbelanjaan Mengurus.

Kita bukan saja berdepan penurunan harga minyak mentah dunia dan juga tukaran mata wang, malah beberapa negeri dianda banjir yang memberi kesan besar kepada ekonomi negeri terbabit. Beberapa pendekatan diambil kerajaan bagi membantu mangsa banjir dilihat sekurang-kurangnya memberi sedikit kelegaan kepada mereka.

Contohnya, pemberian tempoh enam bulan untuk bayaran balik pinjaman, selain pendekatan bagi membantu perusahaan

pada 10 peratus kini.

Yang penting, ia kekal mapan kerana kita menyaksikan pertumbuhan kredit isi rumah yang sederhana. Tentunya, kita juga berdepan beberapa ketidakseimbangan kewangan lain dan kita sudah mengambil tindakan.

Kini, kita menyaksikan keadaan sebaliknya berlaku yang mana berlaku aliran keluar modal dan nilai mata wang kita,

yang sebelum ini meningkat dengan agak ketara, sudah mulai menyusut.

Sudah tentu apabila rizab antarabangsa kita meningkat tinggi, kita dikritik kerana ia didakwa jauh lebih besar daripada yang diperlukan oleh negara.

Dan kini tentunya, rizab ini menjadi perhatian dan ia telah susut kira-kira AS\$18.9 bilion sejak 2014 dan kerana itu kita menyediakan penampungan.

Dari segi kedudukan fiskal, saya ingin jelaskan bahawa langkah telah dilaksanakan lebih awal untuk mengurangkan paras hutang sektor awam, dan ia telah menurun kepada 52.8 peratus daripada 54.7 peratus.

Ini meletakkan kerajaan pada kedudukan lebih baik dari segi kewangan sekarang, memandangkan hutang itu mungkin meningkat kerana petunjuk pertumbuhan yang perlahan sudah mula kelihatan.

Sudah tentu langkah reformasi dan pengukuhan fiskal, pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang tepat pada masanya, akan meningkatkan lagi asas pendapatan negara.

Ini semua adalah langkah proaktif yang diambil termasuk pengumuman pada hari ini, adalah untuk menyokong ekonomi negara dari segi permintaan khususnya daripada mereka yang menerima kesan negatif akibat banjir besar baru-baru ini dan aspek lain dalam memantapkan lagi kedudukan kewangan kerajaan.

Apa yang ingin saya katakan, matlamat dasar kita adalah memperkukuhkan asas ekonomi dan menangani ketidaktentuan.

Untuk komen, hantar e-mel menerusi bhnews@bh.com.my atau di laman Facebook BH Online

SESI SOAL JAWAB

5: Kita sedia maklum terdapat kehadiran besar dana asing dalam pasaran ekuiti dan pendapatan tetap. Jika pelabur asing menarik keluar dana mereka, adalah ia akan terus menyumbang kepada kelemahan ringgit?

Zeti

Fenomena turun naik dalam pasaran mata wang bukan sesuatu yang unik bagi Malaysia sahaja. Lebih maju sesuatu pasaran kewangan itu, maka ia lebih terdedah kepada turun-naik pasaran. Kita sudah melaksanakan liberalisasi pasaran, justeru ia lebih terbuka dan terdedah kepada perkembangan luaran.

Apabila kita menilai mata wang bagi negara tertentu, kita perlu melihat kepada kedudukanimbangan pembayaran semasa. Kita mempunyai lebihan akaun semasa dan kita dijangka terus mencatat lebihan berkenaan. Walaupun ia adalah lebih kecil, tetapi ia tetap sesuatu yang positif.

Apabila anda merujuk kepada pengaliran keluar modal, ia membabitkan pelabur jangka pendek. Namun begitu, kita mempunyai ramai pelabur jangka panjang seperti pengurus dana pencen dan dana pelaburan milik kerajaan. Mereka ini adalah pelabur yang kukuh, justeru kita tidak jangka mengalami pengaliran keluar secara besar-besaran seperti yang diperkatakan.

5: Adakah kerajaan akan melakukan penyesuaian semula sekranya harga minyak mentah terus merudum?

Mohd Irwan Serigar

"Unjuran harga minyak mentah antara AS\$40 (RM144) hingga AS\$70 (RM252) satu tong adalah pendapat penganalisis dan kita mengambil kadar munasabah AS\$45 satu tong. Jika harganya jatuh lebih rendah, kerajaan sudah menyalurkan langkah berjaga-jaga dan akan mengemukakan pelaksanaannya mengikut keperluan.

Namun, dari segi defisit, kerajaan mahu kekal pada kadar 3.2 peratus. Semua pendekatan yang sudah diambil akan dipastikan dapat menzahirkan matlamat itu.

5: Kenapa kerajaan tangguhkan kenaikan tarif elektrik?

Pada awalnya, kerajaan menganggarkan pendapatan negara berasaskan minyak sumber mentah negara adalah 26 peratus daripada perolehan keseluruhan tetapi di bawah penyesuaian semula, kadar itu berkurang kepada 21 peratus. Salah satu cara mengekalkan pembangunan ekonomi mapan antara 4.5 peratus hingga 5.5 peratus ialah dengan menambah pelaburan swasta seperti perusahaan kecil dan sederhana (PKS) selain mengurangkan kos operasi perniagaan. Justeru, kita mengurangkan kadar tarif elektrik, malah kesannya kepada syarikat pengeluar tenaga adalah amat minimum berikutan penurunan harga bahan api.